

11/06/2001

'Kekuatan pengaruh AS sukarkan minyak sawit bersaing'

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Ahad - Kekuatan pengaruh Amerika Syarikat dalam strategi pemasaran minyak kacang sojanya terhadap negara lain adalah antara faktor menyukarkan minyak sawit Malaysia bersaing pada harga berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Malah, harga yang dikawal oleh pasaran turut menyulitkan harga minyak sawit berada pada paras tinggi.

Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Dr Nik Mohd Zain Nik Yusof, berkata harga komoditi sawit masih rendah berikutan saingan yang diterima daripada minyak kacang soya Amerika Syarikat.

Sebagai antara negara pengeluar minyak kacang soya terbesar dunia, katanya, Amerika meyakinkan negara lain, termasuk yang mengimport minyak sawit Malaysia supaya membeli minyak sojanya dengan harga murah.

"Walaupun minyak sawit sudah terbukti lebih baik dan tidak ada kolestrol, namun kekuatan pasaran, pengiklanan dan pengaruh Amerika menjadikan kita sukar untuk bersaing.

"Dia (Amerika) dapat mempengaruhi negara lain termasuk India membeli minyak soya dengan murah manakala Malaysia sendiri dikenakan duti import tinggi oleh India bagi minyak sawit mentah (CPO)," katanya kepada Berita Harian, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas langkah kementerian membantu peneroka Felda dalam menangani kejatuhan harga komoditi itu yang belum pulih.

Baru-baru ini, Pengerusi Felcra Bhd, Senator Datuk Hamzah Zainuddin, berkata kejatuhan harga kelapa sawit secara berterusan di negara ini disifatkan strategi negara maju untuk terus menekan kerancangan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Katanya, kemungkinan itu tidak boleh diketepikan berikutan taktik negara maju memperalatkan sekutu yang banyak mengimport minyak sawit dari Malaysia supaya menaikkan duti import CPO.

Sebagai contoh, katanya, India menaikkan CPO secara tiba-tiba sedangkan negara itu antara pengimport terbesar minyak sawit Malaysia.

Pertengahan bulan lalu, Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee ketika melawat Malaysia memberi jaminan untuk menyemak semula duti import minyak sawitnya dan komitmen itu diberikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam rundingan dua hala mereka.

Laporan sebelum ini menyebut cukai ke atas minyak sawit yang diimport ke India kira-kira 92.4 peratus, manakala cukai import ke atas minyak kacang soya 50.8 peratus.

Perbezaan besar antara dua kadar itu menjadi masalah kepada Malaysia.

Sehubungan itu, Dr Nik Mohd Zain berkata, kementeriannya akan terus mengambil langkah wajar bagi memastikan kebajikan peneroka di rancangan Felda seluruh negara tidak terjejas dalam menghadapi tekanan harga sawit yang tidak stabil.

Katanya, antara langkah dilaksanakan kementeriannya bagi meringankan beban peneroka Felda ialah melupuskan hutang mereka dengan agensi itu berjumlah kira-kira RM500 juta seperti hutang lapuk, hutang kedai Felda dan bayaran kembali (BK).

Selain itu, beliau berkata, kerajaan turut memberi subsidi harga untuk kelapa sawit pada kadar RM12 bagi setiap tan metrik manakala getah 15 sen sekilogram.

Bagaimanapun, katanya, kementeriannya tidak dapat memastikan selama mana

boleh bertahan dengan perbelanjaan begitu besar untuk terus membantu peneroka sehingga harga komoditi itu naik.

(END)